

25/02/2003

NAM berwawasan bentuk orde baru lebih adil, saksama

UCAPAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI PERASMIAN
SIDANG
KEMUNCIAK PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI KE-13 di PUSAT DAGANGAN DUNIA
PUTRA,
KUALA LUMPUR, SEMALAM.

MALAYSIA berasa bertuah menjadi tuan rumah bagi sidang kemuncak ini dan memulakan tugas sebagai pengerusi pergerakan ini.

Sebagai tuan rumah, Malaysia bersyukur dengan penyertaan yang begitu memberangsangkan meskipun dalam suasana antarabangsa yang tidak menentu hari ini. Ini jelas menunjukkan keyakinan dan kepercayaan serta komitmen kita kepada pergerakan ini di samping hasrat dan keazaman bersama untuk mengukuhkan ikatan dan perpaduan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghormatan khas kepada Republik Afrika Selatan, terutama Presiden Thabo Mbeki dan negaranya yang menerajui pergerakan ini selama empat tahun lebih panjang daripada daripada yang diminta sejak menjadi pengerusi pada sidang kemuncak di Durban. Kami mengucapkan tahniah kepada Afrika Selatan yang menjulang sepanduk NAM meskipun wujud pihak yang sinis terhadap relevan pertubuhan ini.

Kita terhutang budi kerana menerusi kepemimpinan Afrika Selatan dalam menggiatkan usaha membuat penilaian yang serius dan kritis terhadap pertubuhan kita di samping memulakan langkah penting ke arah menghidupkan semula proses yang mana Malaysia akan meneruskannya dengan bantuan dan kerjasama anggota NAM.

Sidang kemuncak di Kuala Lumpur, pertama kali diadakan pada abad baru ini, malah dalam alaf baru ini, diadakan pada waktu yang begitu getir. Dunia hari ini berada dalam kebimbangan. Kita takut kepada segala-galanya.

Kita takut menaiki pesawat, takut kepada negara tertentu, takut kepada orang Asia yang berjambang, takut kepada kasut yang dipakai oleh penumpang

pesawat udara; surat-surat dan bungkusan, serbuk putih. Negara-negara tertentu didakwa melindungi pengganas, begitu juga dengan rakyatnya, mereka yang tidak bersalah dan sebagainya turut menjadi takut. Mereka takut kepada peperangan, dibunuh dan menjadi cacat akibat ledakan bom, peluru berpandu yang ditembak dari jarak beratus batu oleh kuasa yang tidak dapat dilihat. Mereka takut kerana mereka akan menjadi kolateral (cagaran) untuk dibunuh sebagaimana kemusnahan yang berlaku terhadap negara-negara mereka.

Persediaan dan langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan berterusan dalam keadaan cemas. Dunia membelanjakan trilion ringgit untuk membeli senjata baru, teknologi baru, strategi baru; mengerahkan tentera dan pemeriksa senjata ke seluruh dunia. Mereka yang tidak mampu menyediakan langkah keselamatan sendiri hanya menyerah nasib dan bertadiah kepada Tuhan. Meskipun begitu, serangan oleh pengganas berlaku di

tempat-

tempat lain yang kurang diramalkan, sekali lagi membunuh mereka yang menjadi kolateral. Namun, masih tidak ada jaminan bahawa mereka yang berpakaian kemas, lelaki bercukur rapi yang menetap di sebelah rumah kita

mungkin tidak menjadi seorang perampas, merempuh pesawatnya ke bangunan-bangunan dan membunuh kolateral.

Pada masa yang sama, ekonomi dunia menjadi lembap dan bagi sesetengah contoh, ia berlaku sebaliknya, yang mana negara-negara tertentu menanggung

beban defisit yang besar. Ramai kehilangan pekerjaan dan kadar kemiskinan

meningkat, malah ia turut berlaku di negara-negara kaya. Tidak ada pelaburan baru di negara asing atau di negara sendiri. Dengan ancaman perang, harga minyak melambung, meningkatkan lagi beban ekonomi dan sosial

di negara-negara miskin.

Secara praktikalnya, bantuan kepada negara miskin dihentikan manakala pinjaman tidak lagi dibiayai disebabkan negara miskin gagal dan terus gagal membayar balik pinjaman.

Hakikatnya, keadaan dunia hari ini begitu berkecamuk, satu suasana yang

paling buruk pernah berlaku berbanding dalam tempoh konfrontasi Timur Barat, Perang Dingin. Segala harapan menggunung berikutan tamatnya Perang

Dingin sudah musnah. Dan, dalam keadaan penganas dan antipenganas masing-masing teraba-raba berlawan sesama sendiri, keadaan dunia seperti sedia ada tidak akan dapat dipulihkan dalam jangka waktu yang singkat.

Sudah tentu, pada satu tahap kita perlu bertanya kepada diri sendiri mengapa keadaan ini berlaku kepada dunia. Mengapa berlakunya keganasan? Adakah benar umat Islam dilahirkan sebagai penganas kerana ajaran Nabi yang kononnya didakwa sebagai seorang penganas? Bagaimana pula kita boleh

jelaskan mengenai pembunuhan terancang, penyiasatan dan kemusnahan yang menampakkan ciri-ciri Kristian Eropah yang berlarutan hampir 2000 tahun? Mengapa Yahudi memilih untuk berlindung di negara Islam apabila Kristian Eropah menindas mereka? Adakah rakyat mendapatkan perlindungan di bumi penganas? Ia tidak mungkin begitu.

Penganut Kristian juga menjadi mangsa kepada keganasan, bukan dilakukan

oleh umat Islam, tetapi rakan penganut Kristian yang mengutuk mereka sebagai songsang. Mereka dianiaya, didera, dibakar atas kepercayaan mereka

dan dipaksa berpindah. Nampaknya, orang Islam bukan mempunyai monopoli ke

atas penganasan, tentunya tidak pada tahap hingga menyebabkan kemusnahan, pembunuhan terancang dan penyiasatan.

Oleh itu, bukan umat Islam yang menjadi punca mutlak kepada semua masalah ini. Jika bukan mereka, maka ia adalah pertembungan tamadun, pertembungan tamadun Islam dengan tamadun Kristian Judea, yang bertanggungjawab.

Secara ikhlas, saya tidak berpendapat demikian. Saya berpendapat ia adalah kerana kebangkitan semula sifat Eropah Lama yang mahu menguasai

dunia. Dan, gambaran daripada ciri-ciri ini menimbulkan ketidakadilan dan penindasan terhadap rakyat dari etnik, keturunan dan warna kulit yang lain.

Jika kita memikirkan semula keadaan sebelum ini, tidak ada kempen keganasan yang sistematik di luar Eropah sehinggalah orang Eropah dan Yahudi mewujudkan sebuah negara Yahudi di bumi Palestin. Secara kebetulan, keganasan digunakan pertama kalinya oleh Haganah dan Irgun Zvai Leumi untuk memujuk orang British supaya mewujudkan Israel. Sebenarnya rakyat Palestin dihalau dari rumah dan negara mereka serta dipaksa hidup sengsara di kem pelarian lebih 50 tahun sekarang ini.

Rakyat Palestin berjuang untuk mendapatkan semula bumi mereka yang menyebabkan tercetusnya perbalahan, perang konvensional pertama, kemudian bantahan awam seterusnya berlaku demonstrasi yang ganas. Israel menuntut sokongan Eropah untuk menebus dosa jenayah orang Eropah terhadap mereka pada masa lalu. Dalam keadaan terdesak orang Palestin akhirnya bertindak melakukan apa yang disifatkan sebagai tindakan keganasan. Tindakan mereka dikecam oleh dunia. Tetapi dunia tidak pula mengutuk perbuatan Israel yang lebih dahsyat sebagai tindakan ganas; pembunuhan beramai-ramai di Sabra dan Shatila, menembak dan membunuh kanak-kanak, menggunakan peluru bersalut uranium, merobohkan rumah rakyat Palestin yang masih berpenghuni, helikopter bersenjata dan sebagainya. Dan, Israel kini mengugut untuk menggunakan senjata nuklear.

Sikap double standard yang dilakukan secara terang-terang ini menimbulkan kemarahan orang Islam, menyemarakkan tindakan mereka untuk melancarkan serangan ganas. Jika Iraq dikaitkan mempunyai hubungan dengan Al-Qaeda, apakah tidak lebih logik pula mengaitkan soal merampas hak bumi Palestin dan penganiayaan serta penindasan rakyat Palestin dengan peristiwa 11 September? Bukan disebabkan perbezaan agama yang menimbulkan kemarahan mereka yang merempuh Pusat Dagangan Dunia (WTC). Ia adalah disebabkan simpati dan kemarahan terhadap tindakan merampas bumi Palestin, ketidakadilan dan penganiayaan ke atas rakyat Palestin dan umat Islam di mana-mana. Jika mereka yang tidak bersalah mati dalam serangan ke atas Afghanistan, dan mereka yang menunggu maut akibat kekurangan makanan dan ubat di Iraq, dianggap kolateral, apakah kematian 3,000 orang di New York dan 200 orang terbunuh di Bali juga sebagai cagar yang mana kematian mereka adalah perlu bagi menentukan kejayaan operasi?

Hakikatnya, nyawa setiap manusia adalah suci, tidak mengira sama ada seseorang itu kawan atau musuh. Itulah sebabnya peperangan bukanlah satu jalan penyelesaian. Satu pertarungan berasaskan kepada siapa yang boleh membunuh ramai orang untuk menentukan siapakah yang menjadi wira dan siapa pula yang tewas, lebih buruk jika mahu menentukan siapa yang benar dan

siapa yang salah, adalah primitif dan tidak boleh dianggap mencapai apa yang dipanggil tamadun berdarjat tinggi. Keagungan sesebuah negara seharusnya berasaskan kepada budaya yang memberi penilaian yang tinggi kepada kualiti moral, estetika, pembelajaran dan kemajuan sains. Malangnya, beribu tahun selepas Zaman Batu, kita masih mengukur kebesaran

sesebuah negara menerusi kesanggupan menyembelih bilangan orang yang ramai.

Tetapi, penindasan dan ketidakadilan bukanlah terbatas kepada tindakan menyemarakkan peperangan dan membunuh manusia; wujud juga penindasan dalam

penyebaran ideologi. Pada masa ini kita hanya membenarkan satu sistem kerajaan demokrasi. Kita mengakui ia adalah sistem terbaik kerajaan. Tetapi, dengan mengenakan hukuman, menyebabkan manusia kebuluran, menafikan hak untuk mendapatkan perubatan dengan tujuan memaksa supaya menerima demokrasi, tidak menampakkan sebagai sesuatu tindakan yang demokratik. Sebenarnya, berjuta manusia mati kerana mereka tidak menganut

agama baru ini. Dan berjuta lagi sengsara kerana mereka gagal menjalankan

demokrasi, hasil daripada ciri-ciri anarki.

Setelah reda dengan keperluan untuk bersaing dengan Komunis, pedagang kapitalis bebas tidak lagi menunjukkan wajah sebagai rakan. Sifat tamak mereka tidak ada sempadan. Mereka mahukan negara yang berjuang bermati-matian untuk mencapai kemerdekaan, menyerahkan semula kemerdekaan mereka,

melupakan sempadan mereka, membenarkan kapitalis bebas melakukan apa saja

yang mereka mahukan terhadap ekonomi negara-negara berkenaan. Mereka menggelarkan keadaan ini sebagai saingan bebas. Dengan bergabung dan mengambil alih antara satu dengan lain, mereka menjadi gergasi yang mana peniaga kecil di negara-negara membangun tidak mampu bersaing. Apakah makna saingan jika anda tidak langsung boleh menang. Akhirnya beberapa gergasi ini akan mengawal ekonomi seluruh dunia.

Apa yang mengecewakan ialah mereka melakukan penipuan dan rasuah. Dan kita tahu mereka boleh gagal. Kita sudah pun melihat bagaimana hebatnya mereka menanggung kerugian hingga 100 bilion dolar dalam tempoh setahun. Itu baru sebuah perbadanan.

Kemudian muncul pula pedagang mata wang rakus yang menghancurkan separuh

daripada ekonomi dunia, menabur berpuluh-puluh juta ringgit wang, memuflikan bank dan beribu-ribu perniagaan, menjadi punca kepada kejatuhan kerajaan dan menyuburkan anarki; hanya sebahagian individu boleh

membuat berjuta-juta ringgit wang untuk diri mereka sendiri.

Sekarang negara kaya tidak lagi memberi bantuan. Mereka juga tidak memberi pinjaman. Dan pada setiap masa, agensi antarabangsa yang mereka kawal cuba menjerut negara-negara miskin yang berhutang, berpunca daripada

sikap tamak manipulator pasaran. Jurang antara negara kaya dan miskin meluas setiap hari. Yang kaya memiliki pendapatan perkapita lebih AS\$30,000, yang miskin hanya AS\$300. Namun yang kaya masih mahu menghirup

hingga titisan darah terakhir daripada yang miskin.

Inilah bentuk dunia hari ini, penindasan terhadap si miskin oleh si kaya; berlakunya ketidakadilan, ketidaksetaraan. Meletakkan garam ke atas luka, negara miskin sering diberitahu mereka kurang ketelusan dan tata urus yang baik, mereka tidak menghormati hak asasi manusia, mereka tidak mengamalkan kebebasan bersuara, kebebasan akhbar dan sebagainya, hakikatnya negara kaya yang kurang ketelusan, tidak menghormati hak asasi manusia, membendung hak kita untuk berkata benar mengenai apa yang mereka lakukan, siapa yang memeralatkan media untuk menyembunyi kekejaman dan menyemarakkan penipuan. Bagaimana lagi harus kita mentafsir operasi dana lindung nilai dan pedagang mata wang, hukuman dan pengeboman sistematik terhadap negara tertentu, memiskinkan negara yang sudah memang miskin dan menapis berita serta laporan yang diputar belit dan dipalsukan mengenai negara Selatan.

Hakikatnya, negara miskin terus ditindas dan menghadapi ancaman keganasan dari negara kaya. Sudah tentu, yang miskin kecewa dan marah serta hilang kepercayaan kepada keadilan dan kehormatan. Dan perkara paling tidak boleh terima yang menjadi punca mereka mengambil tindakan membinasakan dan serangan ganas adalah berpunca daripada sokongan secara terang-terang terhadap keganasan sebagaimana diamalkan oleh Israel dan negara lain. Jika keganasan Israel dianggap sebagai tindak balas terhadap keganasan Palestin, maka keganasan Palestin dan tindakan ganas oleh mereka yang bersimpati dengan mereka juga patut dianggap sebagai tindak balas terhadap penyingkiran rakyat Palestin dari bumi mereka, penaklukan wilayah Palestin dan sokongan terbuka oleh Eropah terhadap kedegilan dan keganasan Israel. Namun, negara membangun juga perlu mengakui bahawa kita juga bertanggungjawab terhadap kesusutan yang dihadapi dunia hari ini. Kita tidak menggunakan kesempatan daripada kemerdekaan dan kebebasan yang dinikmati untuk membangunkan negara demi kebaikan rakyat kita. Sebaliknya, kita sibuk dengan usaha menggulingkan kerajaan kita, menubuhkan kerajaan baru yang kemudiannya digulingkan. Kita juga membunuh rakyat kita sendiri yang jumlahnya menjangkau berjuta-juta orang. Dan selalunya, selepas hampa dengan demokrasi yang membawa huru-hara, kita memilih kerajaan autokratik, mendedahkan diri kita kepada kecaman.

Berikutan konfrontasi antara kumpulan berada dan kumpulan tidak berada, negara maju dan negara membangun secara praktiknya tidak boleh ditadbirkan. Walaupun banyak dicapai dalam kemajuan sains dan teknologi, dunia berada dalam keadaan yang membimbangkan. Walaupun memiliki bekalan yang mencukupi untuk makanan enam bilion penduduk dunia, seorang daripada enam penduduknya sebenarnya menghadapi kekurangan makanan, kebuluran dengan beratus orang mati setiap hari.

Sejak 11 September, yang kaya dan berkuasa menjadi berang terhadap

yang

miskin. Langkah ekstrem yang diambil bagi menjamin keselamatan mereka sendiri menambah lagi kemarahan golongan miskin lagi tertindas. Kedua-dua

belah pihak kini dalam keadaan marah membuta tuli dan cenderung untuk membunuh antara satu dengan yang lain, dan berperang.

Peperangan tidak membawa kepada sebarang penyelesaian. Peperangan hari ini adalah satu cara penyelesaian primitif berbanding peperangan pada Zaman Batu. Sasarannya bukan lagi pejuang, bala tentera. Yang menjadi sasaran adalah rakyat awam biasa, wanita, kanak-kanak dan orang tua.

Sama

ada ia serangan ganas atau tindakan ketenteraan, golongan inilah yang menjadi mangsanya.

Dalam peperangan primitif, mayat mangsa disaksikan sendiri oleh pahlawan. Sementara penganas berani mati, terkorban dalam setiap serangan, pahlawan gagah yang kini hanya memicit butang, tidak langsung melihat keadaan mayat mangsa, mereka tidak melihat bagaimana kepala dan anggota terpisah daripada badan mangsa yang perutnya terburai. Mereka tidak melihat darah orang tidak bersalah yang seketika lalu adalah manusia

hidup seperti mereka. Dan kerana mereka tidak melihatnya, pahlawan memicit

butang ini dan mereka yang memberi arahan kepada pahlawan ini, boleh pulang ke rumah untuk menikmati makanan yang enak, menyaksikan siaran TV atau berhibur dengan penghibur yang didatangkan untuk menaikkan moral bala

tentera dan kemudiannya merebahkan badan ke atas katil yang selesa untuk tidur nyenyak. Keesokannya, mereka akan melancar lebih banyak serangan, mengebom lebih ramai kanak-kanak, wanita dan orang tua. Mereka akan memicit lebih banyak butang peluru berpandu untuk memisahkan lebih banyak

kepala dan anggota badan.

Peperangan ialah mengenai membunuh manusia. Senjata baru dan lebih kejam

direka untuk membunuh lebih ramai manusia dengan secara lebih berkesan. Dan kini ada pula suara yang mengatakan penggunaan senjata nuklear adalah

wajar. Adakah semua ini disebabkan mereka yang hendak dibunuh itu memiliki

warna kulit yang berbeza? Adakah ia disebabkan mereka tidak boleh menyerang balas?

Perhimpunan kita hari ini ialah mesyuarat ketua negara dan kerajaan. Kita mesti mengakui pertubuhan kita tidak lagi berkesan seperti yang sepatutnya. Kita mungkin mahu kekal sebagai sebuah pertubuhan yang tidak mahu membabitkan diri kita dan mengelakkan rasa tidak puas hati negara kuasa besar. Tetapi, rakyat kita sudah mulai resah. Mereka mahu kita melakukan sesuatu. Jika kita tidak melakukan sesuatu, mereka akan menentang kita. Mereka akan bertindak sendiri. Oleh kerana tidak mampu melancar peperangan konvensional, mereka akan melancarkan peperangan gerila, mengambil tindakan keganasan terhadap kita dan mereka yang dianggap sebagai penindas mereka.

Kita tidak boleh lagi mengabaikan mereka. Kita tidak boleh menghumban mereka semua ke dalam penjara kerana kita tidak pun kenal siapa mereka dan

di manakah mereka berada.

Peristiwa 11 September menunjukkan kepada dunia betapa tindakan keganasan, walaupun oleh sedozen manusia, boleh menjejaskan kestabilan seluruh dunia, menimbulkan ketakutan terhadap semua orang, membuat mereka takut kepada bayang-bayang sendiri.

Tindakan mereka juga menghapuskan segala batasan di negara Utara. Mereka tidak lagi menghormati sempadan, undang-undang antarabangsa atau nilai moral yang mudah. Mereka kini bercakap mengenai peperangan, penaklukan menggunakan ketenteraan untuk menukar kerajaan. Malah, mereka juga bercakap mengenai kegunaan senjata nuklear.

Ia bukan lagi mengenai peperangan terhadap keganasan. Malah, ia adalah peperangan untuk menguasai dunia, iaitu dunia yang berbeza warna. Kita kini dituduh melindungi penganas, dituduh sebagai paksi kejahatan dan sebagainya. NAM mempunyai banyak masalah dan isu yang perlu ditangani. Namun, pada masa ini ancaman paling penting yang dihadapi ialah kecenderungan negara berkuasa untuk melancarkan peperangan apabila usaha mereka untuk meluaskan penguasaan ditentang. Kita tidak mampu memerangi mereka.

Mujur juga ramai daripada rakyat mereka sudah jelik kepada peperangan. Berjuta-juta daripada mereka tampil membantah dasar cenderung perang pemimpin mereka. Kita mesti menyertai mereka ini. Kita mesti bersama-sama dalam perjuangan mereka dengan segala kuasa moral yang boleh kita himpunkan.

Peperangan mesti diharamkan. Ia perlu menjadi perjuangan kita hari ini. Kita mesti memperjuangkan keadilan dan kebebasan terhadap penindasan terhadap hegemoni ekonomi. Bagaimanapun kita mesti menghapuskan ancaman perang terlebih dulu. Dengan 'Sword of Democles' diletakkan di atas kepala, kita tidak akan berjaya dalam memajukan kepentingan negara kita.

Oleh itu, peperangan perlu diharamkan. Penguatkuasaan pengharaman ini perlu dilaksanakan oleh pasukan multilateral di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tiada satu pun negara dibenarkan untuk bertindak sebagai polis dunia, apatah lagi untuk memutuskan tindakan yang perlu diambil dan bila.

Globalisasi tidak boleh dihadkan kepada eksploitasi terhadap kekayaan dunia seamta-mata. Globalisasi perlu juga memasukkan perlindungan multilateral terhadap negara yang diancam peperangan dan hegemoni.

Perlu ada satu orde baru dunia yang mana kuasa dikongsi secara saksama oleh semua. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mesti dirombak. Ia tidak boleh lagi terikat kepada hasil Perang Dunia yang tercetus setengah abad lalu. Semua perlu dilucutkan senjata. Senjata pemusnah besar-besaran perlu diharamkan kepada semua. Dan tidak boleh ada lagi penyelidikan untuk membuat senjata konvensional lebih bahaya daripada kebolehnya sekarang.

Jika dalam suasana globalisasi sekarang, wajar bagi agensi antarabangsa mengawasi hak asasi manusia, amalan perniagaan dan jenis demokrasi yang diamalkan negara-negara, maka sebuah agensi benar-benar bersifat antarabangsa yang hanya terikat kepada Perhimpunan Agung Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu perlu juga mengawasi belanjawan ketenteraan semua negara, besar atau kecil. Perdagangan senjata perlu diletakkan di bawah pengawasan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Penghapusan etnik yang kejam mesti dibendung oleh tentera multinasional.

Ketika Jepun dikalahkan, ia dibenarkan membelanjakan hanya satu peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya bagi angkatan tenteranya. Jika syarat sedemikian boleh dikenakan terhadap Jepun, kenapa pula tidak boleh dikenakan ke atas semua negara?

Dalam perjuangan untuk mengharamkan peperangan dan mengawal senjata, nuklear serta konvensional, NAM akan mendapat sokongan yang meningkat daripada kebanyakan rakyat di Utara. Ia bagaimanapun satu tugas yang menggentarkan. Tetapi kecuali kita mengambil pendirian moral yang betul sekarang, kita akan menanti dengan sia-sia negara berkuasa di Utara untuk secara sukarela menghentikan tindakan membunuh kejam manusia atas alasan demi kepentingan negara.

Sekali lagi saya ingin menyatakan NAM perlu memperjuangkan pengharaman peperangan. NAM mesti berjuang untuk memberhentikan penyelidikan dan pembangunan senjata konvensional yang lebih berbahaya. NAM perlu berjuang supaya perdagangan senjata dikawal.

Kita mesti berjuang untuk membentuk orde baru dunia, di mana demokrasi tidak hanya terhad kepada pentadbiran dalaman negara-negara tetapi juga pentadbiran dunia. Kita perlu berjuang untuk penyuburan semula Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu dan semangat multilateralisme. Kita mesti berjuang untuk menghapuskan atau mengubah kuasa yang dipegang oleh mereka yang menang peperangan yang berlaku setengah abad lalu.

Kita menyedari bahawa kita lemah. Tetapi kita juga tahu kita mempunyai sekutu di Utara. Mereka juga mahu menghapuskan perang dan pembunuhan manusia untuk apa-apa sebab sekalipun. Mereka mungkin tidak bersetuju dengan kita mengenai semua perkara. Namun berhubung tentangan terhadap peperangan, ramai yang akan bersama kita. Mereka bersedia menentang pemimpin mereka yang cenderung kepada peperangan. Kita mesti berjuang bersama mereka.

Inilah perjuangan kita. Kita bukan tidak relevan. Kita bukan sudah ketinggalan zaman. Kita mempunyai wawasan, wawasan untuk membina orde baru dunia, orde dunia yang lebih saksama, lebih adil; orde baru dunia yang bebas daripada fahaman lampau bahawa tiada salahnya untuk membunuh orang dan ia boleh menyelesaikan masalah perhubungan di antara negara.

Untuk melaksanakan semua ini kita perlu menyuburkan semula Pergerakan Negara Berkecuali. Dan penyuburan semula itu hanya boleh dicapai jika kita berpadu dan bertindak bersama.

Saya mengucapkan terima kasih kepada anda kerana memberi saya peluang untuk berucap di hadapan perhimpunan yang dihormati ini. Malaysia berjanji untuk bekerja keras menentang peperangan, termasuk peperangan terhadap Iraq, dan untuk memastikan kejayaan pergerakan kita.